



MAJLIS PERISYTIHARAN NAMA

Universiti Sains Islam Malaysia

28 JUN 2007
13 JAMADIL AKHIR 1428 H

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BANDAR BARU NILAI NEGERI SEMBILAN

Disempurnakan oleh

D.Y.M.M. Tuanku Najihah Binti Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin
Tunku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus
TUANKU CANSELOR



3	- <i>Menjunjung Kasih</i>	
	- <i>Kata Mu-aluan</i>	
	- Menteri Pengajian Tinggi	4
	- Pengerusi LPU	5
	- Naib Canselor	6
7	- <i>Sejarah USIM</i>	
9	- <i>Maklumat nama, & logo baru</i>	
10	- <i>Atur Cara Majlis</i>	
12	- <i>Lembaga Pengarah Universiti</i>	
13	- <i>Ahli Mesyuarat Pengurusan Universiti</i>	
14	- <i>Perkembangan Akademik</i>	
17	- <i>Pencapaian</i>	
18	- <i>Senarai AJK</i>	
19	- <i>Penghargaan</i>	



Menjunjung Kasih




**D.Y.M.M. Tuanku Najihah Binti Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin
Tunku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus**

Canselor USIM
dan

**D.Y.M.M. Tuanku Ja'afar Ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman
Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus**

*"Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh di hujung taman;
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman."*



MENTERI PENGAJIAN TINGGI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi, saya mengalu-alukan kehadiran Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus, Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ke Majlis Perisytiharan nama USIM. Kehadiran Tuanku berdua memberi makna yang cukup besar dan semangat kepada seluruh warga USIM untuk bekerja lebih keras bagi mencapai Wawasan Universiti.

USIM mempunyai kedudukan yang sangat unik dalam sistem pendidikan Negara. Dengan falsafah yang menekankan paduan ilmu Naqli dan Akli serta keseimbangan antara keilmuan dalam bidang pengajian Islam tradisi dan bidang profesional lain, USIM berpeluang memposisikan diri sebagai sebuah universiti terkemuka yang mampu memartabatkan pendidikan Islam berkualiti.

Sebagaimana IPTA lain, USIM juga bertanggungjawab dalam usaha mencapai Misi Nasional. Agenda utamanya ialah pembangunan modal insan dan modal intelek yang mampu menjadikan Malaysia lebih kompetitif dan maju. Peranan USIM dalam proses ini dan pencapaian matlamat Wawasan 2020 amat penting sekali. Justeru, saya menyeru para pentadbir, pengurus, pensyarah serta siswa-siswi USIM untuk menyahut cabaran Negara selain menjayakan usaha menjadikan Malaysia hab pendidikan berkualiti serantau.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi penghargaan kepada DYMM Tunku Ampuan, Canselor USIM, dan DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Saya juga mengucapkan tahniah kepada seluruh warga USIM sempena majlis bersejarah ini. Sesungguhnya, perisytiharan nama USIM mestilah dijadikan titik tolak bagi seluruh warga Universiti ini untuk membulatkan tekad dan komitmen bagi mencapai kecemerlangan, seterusnya mengharumkan nama Universiti dan Negara.

Wassalam.

DATU' MUSTAPA MOHAMED
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia



PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita semua menghadiri Majlis Perisytiharan Nama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada hari yang bersejarah ini.

Saya menjunjung kasih yang tidak terhingga atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan, Canselor USIM dan juga Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus berangkat mencemar duli bagi menyempurnakan majlis ini.

Sesungguhnya, majlis ini amat bermakna bagi semua warga Universiti kerana perisytiharan nama USIM merupakan simbolik untuk memartabatkan pendidikan berteraskan Islam dalam arus pendidikan perdana di negara ini. Maka dengan sebab itulah, USIM menyahut cabaran menjadi Universiti yang menawarkan pendidikan pengajian yang menggabungkan bidang profesional, sains dan teknologi dengan Islam secara sepadu.

Proses penjenamaan semula USIM ini juga diharapkan dapat menghasilkan graduan yang seimbang keilmuannya di antara dunia dan akhirat. Graduan yang dihasilkan ini merupakan generasi baru yang bertanggungjawab untuk membantu meningkatkan kualiti masyarakat dalam pelbagai bidang pada masa akan datang.

Perisytiharan nama USIM juga akan menjadi mercu tanda bagi warga Universiti untuk memperbaharui tekad dan semangat untuk bersama-sama dengan semua pihak bagi menjayakan Wawasan Negara. Kerjasama ini amat penting untuk memperkukuhkan Universiti bagi menghadapi cabaran pendidikan dalam era globalisasi.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana majlis ini. Semoga majlis ini diraikan dengan penuh rasa kesyukuran oleh sekalian yang hadir dan menjadi suatu kenangan yang tidak dapat dilupakan.

TAN SRI DR. MOHAMAD YUSOF NOOR

Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti
Universiti Sains Islam Malaysia



UCAPAN ALUAN NAIB CANSELOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Sesungguhnya saya amat bersyukur ke hadrat Allah SWT atas limpah, kurnia dan izinNya, maka hari ini kita dapat bersama-sama meraikan Majlis Perisytiharan Nama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Seluruh warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merafak sembah dan menjunjung kasih yang tidak ternilai ke atas keberangkatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Canselor USIM, dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan mencemar duli bagi menyempurnakan majlis ini.

Alhamdulillah dan syukur, kerana pada hari ini secara rasminya nama USIM diisytiharkan sebagai nama baru universiti ini. Lakaran sejarah akan terus terpahat dengan berita-berita kecemerlangan USIM dalam arus pendidikan negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Saya menyeru kepada seluruh warga USIM, marilah kita bersama-sama menguatkan azam, tekad dan iltizam untuk menjadikan USIM sebagai universiti yang akan melahirkan para graduan yang berupaya untuk memainkan peranan sebagai modal insan yang mempunyai minda kelas pertama.

Tugas membina seorang manusia bukanlah tugas yang boleh dipandang ringan, justeru kaedah dan cara yang mahu diguna pakai haruslah menepati kehendak matlamat akhirnya. USIM amat menyedari hakikat ini dan bersedia untuk memikul amanah yang telah diberikan oleh Kerajaan Malaysia untuk mendidik anak bangsa yang mampu berperanan dan menghulurkan bakti kepada agama, bangsa dan negara. Usaha ini akan hanya dapat dicapai dengan wujudnya sokongan yang padu daripada semua pihak, di dalam dan di luar USIM.

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua ahli Jawatankuasa Pelaksana majlis ini yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyempurnakan majlis pada pagi ini. Semoga majlis ini diraikan dengan penuh rasa kesyukuran oleh sekalian yang hadir dan mendapat rahmat dan berkat dari Ilahi.

Salam hormat, wassalam.

PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN
Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

PENUBUHAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Menyusur sejarah penubuhan USIM, telah tercatat sejarah permulaan, bahawa usaha penubuhan Universiti Islam di Malaysia telah bermula sebelum merdeka lagi. Malahan, usaha tersebut tidak terhenti setakat penubuhan Kolej Islam Malaya (KIM) pada 1956 tetapi berterusan pada tahun 1960-an dan 1970-an. Apabila Fakulti Pengajian Islam (FPI) ditubuhkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), usaha menubuhkan Universiti Islam agak perlahan tetapi tidak terhenti di situ sahaja. Beberapa golongan, kumpulan dan individu terus membincangkan keperluan membentuk Universiti Islam yang dimiliki sepenuhnya oleh negara. Kepimpinan politik dan peristiwa pada tahun 1996 telah menyumbang kepada pembentukan Universiti Islam di Malaysia.

Usaha penubuhan USIM bermula 10 tahun lalu di mana perbincangan tentang pembentukan Universiti Islam milik negara sepenuhnya telah diadakan pada 25 September 1996. Antara yang menghadiri perbincangan tersebut ialah YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak, selaku Menteri Pendidikan pada waktu itu; Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan agama Islam; Y. Bhg. Tan Sri Datuk Dr Wan Zahid Mohd. Noordin, Ketua Pengarah Pendidikan; Y. Bhg. Prof. Dato' Dr Mohd Sham Mohd. Sani, Naib Canselor UKM; Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Anuar Ali, Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan; dan Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Dekan Fakulti Pengajian Islam di UKM pada masa itu. Individu-individu berkaliber tersebut telah menyumbang pelbagai idea, cadangan dan konsep yang begitu bermakna sehingga penubuhan KUIIM menjadi realiti. Pada 11 Jun 1997, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan KUIIM dan penubuhannya telah diwartakan pada 13 Mac 1998.

SEJARAH AWAL

Naib Canselor USIM Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin telah diberi kepercayaan membentuk universiti yang baru ini pada tahun 1999. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Agama Al-Junid yang sangat terkenal di Singapura. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar di Mesir pada peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan ijazah kedoktoran. Dengan latar belakang pendidikan dan profesional yang mantap, beliau merupakan calon yang amat sesuai untuk mengemudi universiti ini.

Turut membantu beliau dalam tugas yang amat berat dan mencabar ini ialah Y. B. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Zin, yang ketika ini menjawat jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan agama Islam. Beliau merupakan alumni Universiti Islam Madinah, Arab Saudi dan memegang Ijazah Sarjana dari Universiti Al-Azhar, Mesir dan ijazah kedoktoran daripada University of Kent, England. Dato' Abdullah merupakan ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang Dakwah, Sufi dan Teologi di FPI, UKM; semasa Dato' Abdul Shukor sedang mencari rakan sejawat yang boleh merealisasikan penubuhan sebuah universiti awam yang mampu memartabatkan lagi kualiti pengajian Islam peringkat tinggi di negara ini.

Bersama pentadbir-pentadbir UKM lain seperti Tuan Haji Addenan Hj. Abdul Rahman yang kemudian menjadi Pendaftar KUIM dan dan Puan Hajjah Rohani Abu yang kemudiannya menjadi Bendahari universiti, keempat-empat orang individu ini memulakan tugas di pejabat sementara di tingkat 5 Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Sebelum kemasukan pertama pelajar pada pertengahan tahun 2000, pengurusan universiti telah melantik beberapa ahli akademik dan pentadbiran bagi melicinkan perjalanan universiti. Antaranya, Encik Jasmin Jaimon, Ketua Pustakawan KUIM, yang telah menyertai kepimpinan awal universiti dalam merencanakan lagi pertumbuhan universiti.

Di samping itu, beberapa ahli akademik telah dilantik termasuk beberapa individu yang telah menerajui fakulti-fakulti, iaitu Tuan Hj. Alwi Yusoff (Pemangku Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah), Allahyarham Tuan Sheikh Salim Sheikh Salleh (Pemangku Dekan Fakulti Syariah dan Kehakiman), Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah (Dekan Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam) dan Y. Bhg. Prof. Dr. Muhamad Muda (Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat), telah membantu menyediakan kurikulum bagi pelbagai program akademik dan hal-hal berkaitan polisi dan struktur universiti. Manakala Prof. Dr. Muhammad Hj. Alias pula kemudiannya telah dilantik sebagai Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan) dan telah berperanan dalam usaha memperkemas lagi pengurusan kualiti dalam universiti.

Pelantikan Tuanku Canselor USIM, DYMM Tuanku Najihah Binti AlMarhum Tunku Besar Burhanuddin kemudiannya turut membuka lembaran baru dalam lipatan sejarah USIM. Baginda amat aktif dalam bidang kemasyarakatan dan sering dilantik sebagai penaung kepada pelbagai persatuan kebajikan, antaranya Pertubuhan Puteri Negeri Sembilan dan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam dan Institusi Wanita. Justeru, *Tuanku Najihah Syariah and Law Lecture*, program tahunan anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang telah dinamakan bersempena dengan nama baginda.

Baginda juga terkenal sebagai seorang yang aktif dan hebat dalam bidang sukan. Antara bidang sukan yang diceburi oleh baginda ialah golf, hoki, bola keranjang, tenis dan menembak. Baginda turut menjadi Penaung Pasukan Hoki Wanita Malaysia, Pasukan Bola Sepak Wanita Malaysia, Pasukan Golf Wanita Malaysia dan Persatuan Golf Wanita Malaysia (MALGA). Yang terbaru, baginda turut menaungi dan menyertai Kejohanan Golf Amal Piala Tuanku Najihah yang telah turut mendapat penyertaan dari seramai 138 peserta dari seluruh negara.



NAMA DAN LOGO BARU USIM



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

- Motif logo korporat Universiti Sains Islam Malaysia dilambangkan melalui sebuah kubah berserta dengan lima bintang atau "Arabes".
- Tulisan 'USIM' diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar.
- Pelantar atau landasan ini melambangkan Universiti Sains Islam Malaysia sebagai wadah penyampaian ilmu kepada pelajar-pelajarnya.
- Kubah yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam menyampaikan ilmu-ilmu Islam.
- Kelima lima motif "Arabes" yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam.
- Kalimah ini diletakkan di atas rehal bagi menunjukkan bahawa USIM sebagai dataran yang berlandaskan Islam.
- Litar yang terletak bersebelahan tulisan USIM pula bermaksud sains dan teknologi yang dibawa bersama dalam menyampaikan ilmunya.

Secara keseluruhan logo ini menunjukkan Universiti Sains Islam Malaysia sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.



ATUR CARA MAJLIS PERISYTIHARAN NAMA UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

10.00 pagi

: *Ketibaan tetamu jemputan*

10.10 pagi

: *Ketibaan Y. Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor,
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, USIM*

10.15 pagi

: *Ketibaan Y. B. Dato' Mustapa b. Mohamed
Menteri Pengajian Tinggi*

10.30 pagi

: *Keberangkatan tiba D.Y.M.M Tuanku Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan dan D.Y.M.M Tunku Ampuan Negeri
Sembilan, Canselor USIM*

10.45 pagi

: *Bacaan Doa*

10.50 pagi

: *Sembah Aluan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor,
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, USIM*

11.00 pagi

: *Sembah Aluan oleh Y. B. Dato' Mustapa b. Mohamed
Menteri Pengajian Tinggi*

11.10 pagi

: *Upacara Perasmian oleh
D.Y.M.M Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Canselor USIM*

ATUR CARA MAJLIS PERISYTIHARAN NAMA UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

11.20 pagi

: *Lawatan ke Galeri Pameran*

11.40 pagi

: *Persembahan Multimedia (Bilik Senat)*

12.15 pagi

: *Majlis Santapan*

1.00 tengah hari

: *Keberangkatan D.Y.M.M Tuanku Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan D.Y.M.M Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Canselor USIM, meninggalkan majlis.*



**LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Pengerusi

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor
PSM, SPMT, DSSA, JMN, PPT, M.A (al-Azhar), Dip.Pen. (Ain Shams), Ph.D (Cairo)

Ahli-Ahli

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
DSNS, DIMP, JSM, al-Aliya, M.A, Ph.D (al-Azhar), Dip.Pend. (Ain Shams)

Y.Bhg. Dato' Syed Amin Al-Jeffri
DSSA, BKM, AMN, PJK, B.Ec Hons, Chartered Acc. (M), CA (Canada),
(FTII), CPA

Y.Bhg. Dato' Mohd Dahan Abd. Latiff
DPMP, KMN, B.Econ Acc (Malaya)

En. Omar bin Abd Rahman
AMN, B.A (Hons) (UM), M.A (Ir) (Denver, USA)

Pn. Hj. Nozirah Bahari
ADK, AMP, B.A Hons (USM), DPA (INTAN)

En. Amirudin Abd. Rahman
LLB (UIA), AMN

Setiausaha

Tn. Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman
ANS, PJK, B.A Hons (Malaya), MPA (Iowa State)

AHLI MESYUARAT PENGURUSAN UNIVERSITI (MPU)

Naib Canselor

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin
DSNS, DIMP, JSM, al'Aliya, M.A, Ph.D (al-Azhar), Dip. Pend. (Ain' Shams)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg Prof. Dr. Muhamad bin Muda
DIB (UiTM), BBA (Ohio, USA),
Certificate In Advanced Bank Management (AIM, Manila),
MBA (Cincinnati, Ohio), Ph.D (Manchester)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin bin Dollah
DIMP, SAP, Sm.P.I.Kep. (UK Malaysia),
M.Litt. (Glasgow), Ph.D (Birmingham)

Pendaftar

Tuan Haji Addenan bin Hj. Abd. Rahman
ANS, PJK, BA Hons (Malaya), MPA (Iowa State)

Bendahari

Puan Hajjah Rohani bt. Abu
ANS, B.Ec. (Malaya), M.Ec. (Ohio), MAIA (Ohio)

Ketua Pustakawan

En. Jasmin bin Jaimon
B.Sc.Hons (UKM), Post Grad. Dip. Lib. Sc. (UiTM),
Dip. Sys. Analysis (UiTM)

Pengarah Pembangunan

Ir. Daim Saian
B.Eng (Malaya), MIEM, P.Eng



PERKEMBANGAN AKADEMIK

Hari ini tercipta lembaran baru yang akan menjadi kenangan dalam lipatan sejarah dalam ruang lingkup Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. 28hb. Jun 2007 menjadi saksi perisytiharan nama universiti ini secara rasmi sebagai Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah Binti Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin selaku Canselor USIM. USIM merupakan sebuah Universiti Islam Malaysia yang pertama ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada permulaan abad ke-21. Ia merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke-12 di negara ini dan didaftarkan dengan nama Universiti Sains Islam Malaysia (sebelum ini dikenali dengan nama Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)).

Di antara tujuan penubuhan KUIM ialah memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara dan menekankan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya. Penguasaan bahasa Arab dan Inggeris di samping bahasa Malaysia juga menjadi tumpuan.

Walau bagaimanapun, dalam usaha menjenamakan imej dan meningkatkan citra KUIM, berbagai-bagai rintangan, halangan dan persepsi berjaya ditempuhi setelah beroperasi selama lebih dari lima tahun.

Lima tahun sebelumnya, keyakinan masyarakat terhadap KUIM agak terbatas kerana mereka menganggap KUIM hanya menawarkan bidang Pengajian Islam tradisional sahaja. Lebih daripada itu, ada yang menganggap KUIM hanya menawarkan program peringkat Diploma sahaja seperti kolej-kolej universiti milik swasta yang lain. Persepsi sedemikian berpanjangan sehingga ke peringkat antarabangsa, apabila KUIM sering dianggap sebagai sebuah fakulti dan dalam masa yang sama, konsep kolej universiti tidak begitu popular di sana dan sering kali tarafnya dipersoalkan. Sebaliknya, masyarakat luar negara lebih yakin dan berminat menghantar anak mereka memasuki institusi yang bergelar universiti penuh berbanding dengan institusi yang bergelar Kolej Universiti. Apatah lagi, graduan KUIM menghadapi kesukaran mendapat tempat di universiti-universiti terkemuka luar negara untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah kerana kebanyakannya meletakkan persepsi bahawa KUIM adalah universiti kelas kedua.

Menyedari keperluan kepada penjenamaan semula itu, Kerajaan telah mengambil langkah dengan mengumumkan pertukaran nama semua institusi pengajian awam yang bertaraf Kolej Universiti kepada Universiti penuh. Maka, melalui proses penjenamaan semula ini, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kini bergelar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkuat kuasa 1hb Februari 2007.

USIM kini berupaya melaksanakan fungsi yang bersifat khusus tetapi menawarkan pelbagai program ijazah yang diperlukan oleh negara. Pendekatan "*specialized-based university*" adalah kerana USIM menjadikan Pengajian Islam sebagai teras utama/wajib kepada semua program pengajiannya. Ia merentasi semua cabang ilmu dan semua pengajian yang ditawarkan. Masa depan dan peluang mendapatkan pengajian tinggi dalam bidang-bidang selain daripada Pengajian Islam tradisional, terutama bidang kritikal, akan menjadi sukar bagi pelajar aliran agama sekiranya USIM tidak melaksanakan skop pengajian yang menyeluruh.

Dalam usaha memastikan matlamat tersebut terlaksana, USIM menetapkan pengambilan pelajarinya terhad supaya tumpuan khusus dapat diberikan untuk membina keterampilan, kebolehan dan disiplin serta keimanan yang jitu di kalangan pelajar.

Bermula dengan pengambilan kumpulan perintis seramai 255 orang pelajar pada bulan Jun tahun 2000, kini USIM telah menerima pelajar seramai 6747 orang. Buat masa ini, USIM mempunyai 17 program pengajian yang ditawarkan oleh 8 buah fakulti iaitu Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), dan Fakulti Pergigian (FPg). Program-program pengajian Sarjana Muda yang ditawarkan adalah seperti berikut:

1. Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Keupujian
2. Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Keupujian
3. Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Keupujian
4. Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Keupujian
5. Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Keupujian
6. Sarjana Muda Kaunseling dengan Keupujian
7. Sarjana Muda Komunikasi dengan Keupujian
8. Sarjana Muda Sains dengan Keupujian (Bioteknologi Makanan)
9. Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Surgeri
10. Sarjana Muda Sains dengan Keupujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)
11. Sarjana Muda Sains Komputer dengan Keupujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)
12. Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Keupujian
13. Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Keupujian
14. Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Keupujian
15. Sarjana Muda Perakaunan dengan Keupujian
16. Sarjana Muda Pembedahan Pergigian
17. Sarjana Muda Sains dengan Keupujian (Matematik Kewangan)

Kesemua program pengajian yang ditawarkan berpegang teguh kepada prinsip dan falsafah kesepaduan antara ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia merentasi semua bidang ilmu, termasuk bidang Quran, Sunnah, fiqh, syariah, undang-undang, ekonomi, muamalat, komunikasi, pengurusan, kaunseling, sains, perubatan, sains dan teknologi dalam membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu. Hasilnya, kebolehpasaran graduan USIM semakin meningkat dan terus diyakini oleh masyarakat. Buktinya, lebih 80 peratus graduan USIM mendapat pekerjaan dalam pelbagai bidang profesional setelah tamat pengajian peringkat Sarjana Muda pada tahun 2006.

Selain itu, USIM juga memberikan tumpuan utama kepada pengajian peringkat siswazah. Adalah direncanakan 40 peratus pengambilan pelajarinya adalah terdiri daripada calon-calon pasca siswazah. Hasrat ini jelas apabila USIM menubuhkan Pusat Pengajian Siswazah pada tahun 2002. Pusat tersebut sehingga kini telah menerima seramai 159 orang pelajar dan telah menghasilkan seramai 35 orang graduan di peringkat diploma siswazah, sarjana dan doktor falsafah dalam pelbagai bidang pengajian yang berkait rapat dengan program pengajian sarjana muda. Ini bermakna selain daripada tanggungjawab mendidik, USIM juga menjadi institusi penyelidikan yang utama sebagai teras pengukuhan bidang pengajiannya.

Selain Pusat Pengajian Siswazah, USIM turut menubuhkan Pusat Tamhidi pada tahun 2004 yang berperanan mendidik kumpulan pelajar peringkat matrikulasi sebagai persediaan sebelum diterima masuk ke program-program pengajian peringkat sarjana muda. Pusat ini sangat penting dalam menyediakan asas yang kukuh kepada bakal-bakal pelajar peringkat sarjana muda dalam program pengajian seperti perubatan, pergigian, syariah dan undang-undang, sains dan teknologi serta perakaunan dan muamalat. Pusat tersebut sehingga kini telah menerima seramai 407 orang pelajar dan telah menghasilkan seramai 153 lulusan.

USIM mempunyai sejarah lakar penempatan yang unik. Perpindahan melambangkan usaha ke arah kejayaan. Penempatan bermula dengan meminjam beberapa bilik di Universiti Kebangsaan Malaysia (Bangi), kemudian berpindah pula ke Bangunan Institut Profesional Baitulmal-IPB (Kuala Lumpur), dan seterusnya menyewa Menara A dan B, Persiaran MPAJ, Pandan Indah, Kuala Lumpur. Akhirnya, Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan dilihat sebagai tempat paling strategik untuk pembangunan kampus tetap USIM. Kepesatan pembangunan fizikal USIM kini dapat dilihat oleh semua. Infrastruktur dan prasarana USIM yang berkembang maju kini bakal menjadikan daerah setempat ini sebagai taman ilmu yang indah. Disokong oleh pembangunan fizikal yang pesat, pelbagai program dan aktiviti akademik serta kemasyarakatan dapat dilaksanakan dengan jaya dan sempurna.

Justeru, dengan perisytiharan rasmi nama Universiti Sains Islam Malaysia akan menyemarakkan lagi usaha mengembangkan ilmu pengetahuan kepada semua dan kini masyarakat lebih meyakini USIM terutamanya jika dilihat pada perkembangan bidang akademik yang ditawarkan. Seluruh warga USIM kini berusaha mencapai kecemerlangan dengan mengambil pendekatan secara progresif dan inovatif dalam pelaksanaan pelbagai program pengajiannya.



Pencapaian



AHLI JAWATANKUASA INDUK MAJLIS PERISYTIHARAN NAMA USIM

Pengerusi:

YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin

Ahli Jawatankuasa:

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin b. Dollah

YBhg. Prof. Dr. Muhamad b. Muda

Tn. Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman

Pn. Hajjah Rohani Abu

En. Jasmin Jaimon

Ir. Daim Saian

YBhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias

YBhg. Prof. Dr. Kamaruzzaman Seman

YBhg. Prof. Dr. Jalani Sukaimi

YBhg. Prof. Dr. Hj. Samat Musa

Urus Setia:

En. Hammad Farhi Mohd Saudi

Pn. Arhaida Abdul Rahman

AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA MAJLIS PERISYTIHARAN NAMA USIM

Pengerusi:

Tn. Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman

Ahli Jawatankuasa:

Pn. Hajjah Rohani Abu

Ir. Daim Saian

En. Idris Takyen

En. Arshad Hamzah

En. Muhammad Haizuan Rozali

Pn. Sapora Sipon

En. Hammad Farhi Mohd Saudi

En. Mohd Asri Husain

Pn. Nor Azzah Momin

En. Nidzamuddin Zakaria

En. Mohammad Tahir Zainuddin

En. Ahmad Kamal Mustafa

En. Muhammat Rahmat Abdullah

Pn. Mazlina Mohd Tamjid

En. Nasrul Hakim Ahmad

Pn. Hariza Mohd Yusof

En. Abd. Wahab Mat Zin

En. Mohd Saiful Abd Samad

Pn. Suriyati Ismail

En. Mohd. Akashah bin Abdul Rashid

En. Hafez Fikri Adimat

En. Mushaddad Hasbullah

Urus Setia:

Pn. Arhaida Abdul Rahman

YM Tunku Nazruddin Tunku Yahaya

Penghargaan

Universiti Sains Islam Malaysia

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih

Kepada

Istana Negeri Sembilan
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Lembaga Pengarah USIM
Polis Di-Raja Malaysia
Media Massa

dan

Individu-individu yang telah secara langsung atau tidak langsung
menyumbangkan idea, tenaga serta sokongan
bagi menjayakan majlis ini.

Lagu USIM

USIM Terus Maju

Malaysia maju di zaman merdeka
Umatnya bergerak berganding bahu
USIM menyahut harapan bangsa
Menjadi universiti termaju

Cabaran masa teras kegiatan
Penyelidikannya untuk dunia
Terus progresif membina insan
Berdisiplin mengamal nilai mulia

Benteng harapan untuk terus maju
Menjadi universiti terkini
Meredah halangan mencipta mutu
Mengharum negara seluruh bumi

USIM berjanji pada ibunda
Berjasa berbudi untuk semua
Siswanya adalah tunggak Negara
Kan terus membela maruah kita

Autograf





**URUS SETIA
MAJLIS PERISYTIHARAN NAMA
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Tel : 06 7988150/8152/8116/8101

Faks : 06 7988050 / 7993843

Email : pendaftar@admin.usim.edu.my